

Haji Abdul Rahman Limbong dan Kebangkitan Rakyat di Terengganu 1928

Abdul Qayyum M Suhaimi & Mohd Roslan Mohd Nor

Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur

Abstrak: Terengganu merupakan antara negeri terawal menerima kedatangan Islam di Tanah Melayu. Kelahiran tokoh-tokoh agama di Terengganu menjadikan masyarakat setempat sentiasa mendampingi tokoh-tokoh agama ini. Abdul Rahman Limbong merupakan salah seorang tokoh agama dan pemimpin di Terengganu yang memimpin rakyat untuk bangkit menentang penjajah terutamanya dari kalangan petani yang mana penceritaannya kurang didedahkan Perjuangan beliau dan juga rakyat Terengganu ketika itu dikatakan perjuangan tani kerana rakyat kebanyakannya ketika itu bekerja sebagai petani. Kertas kerja ini dikemukakan bagi membincangkan latarbelakang serta ketokohan Haji Abdul Rahman Limbong dan juga peranannya dalam kebangkitan di Terengganu. Dalam usaha penelitian ini, beberapa perkara akan diberikan tumpuan. Pertama latarbelakang Haji Abdul Rahman Limbong di Terengganu sebagai pemimpin dan juga ulama, keduanya kisah kebangkitan menentang penjajah di Terengganu yang dipelopori oleh golongan petani. Ketiganya analisis mengenai sumbangan dan peranan beliau dalam kebangkitan rakyat di Terengganu dan akhirnya keempat kesimpulan dan beberapa cadangan mengenai kajian ini.

PENGENALAN

Islam telah bertapak di Alam Melayu sejak sekian lama. Perkembangan Islam di Malaysia menunjukkan perkembangan yang cukup pesat. Jika kita menulusuri sejarah Malaysia pasti kita akan dapat ramai tokoh-tokoh ilmuwan dan agama lahir di negara ini yang pergi menuntut di pelbagai institusi baik di Timur Tengah mahupun di Nusantara ini sendiri. Kelahiran ilmuwan-ilmuan ini menjadikan mereka cuba untuk memperbaiki situasi masyarakat setempat ketika itu dan melakukan pengislahan ke atas masyarakat. Hasil daripada usaha mereka ini, segelintir masyarakat ketika itu yang turut mempunyai rasa sensitiviti terhadap masyarakat awam khususnya umat Islam itu sendiri telah turut bersama-sama para ilmuwan ini untuk melakukan pengislahan terhadap masyarakat maka terbitlah gerakan-gerakan islah yang bergerak secara kumpulan bagi memudahkan gerak kerja mereka untuk menegakkan syi'ar dan kalimah Allah SWT di bumi Nusantara umumnya dan Malaysia khususnya.

Salah seorang tokoh ilmuwan dan ulama' yang banyak berjasa terutamanya di Terengganu adalah Haji Abdul Rahman Limbong yang banyak memimpin masyarakat untuk sama-sama bangkit menentang penjajah yang menguasai dan menindas masyarakat yang kebanyakannya adalah golongan petani ketika itu. Kertas kerja ini akan membincangkan latarbelakang Haji Abdul Rahman Limbong serta sumbangan beliau dalam kebangkitan rakyat menentang penjajah di Terengganu pada tahun 1928.

Latar Belakang Kehidupan dan Pendidikan:

Perkembangan Islam di Terengganu yang mana dalam tempoh sekitar empat abad menyaksikan bagaimana ianya mempamerkan ciri-ciri keislamannya. Begitu ramai tokoh ilmuwan yang lahir dan begitu banyak institusi-institusi pondok, madrasah yang muncul bagaikan cendawan yang tumbuh selepas hujan. Di dalam buku "Ulama Terengganu Suatu Sorotan" ada menyebutkan bahawa tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kehadiran ulama menjadi paksi kepada perubahan sosial di beberapa daerah dan pada beberapa waktu penting (Muhammad Abu Bakar 1991: 4).

Penulis amat bersetuju dengan kenyataan yang dinyatakan tersebut kerana jika kita lihat sehingga hari ini juga, Terengganu merupakan antara pusat pengajian agama baik melalui sistem pondok mahupun sistem pendidikan secara formal di sekolah-sekolah agama. Maka sudah pastilah punca kepada lahirnya institusi-institusi keagamaan ini adalah kerana kehadiran ulama'-ulama' pewaris Nabi ini sejak awal-awal kedatangan Islam ke Terengganu lagi.

Selain itu, dapat dilihat 3 faktor besar yang menyumbang kepada perkembangan dan kebangkitan ulama' di Terengganu di mana faktor yang pertama adalah keadaan realiti masyarakat sosial yang ada pada ketika itu mempunyai kesedaran yang amat tinggi terhadap ajaran Islam. Kemudian faktor yang kedua adalah hubungan yang rapat antara golongan ulama' dengan para pemerintah ketika itu dan faktor yang ketiga adalah ulama' merupakan satu kelompok ataupun kumpulan

yang dapat dilihat sebagai satu entiti yang tidak mempunyai saingen daripada pihak lain sebagai pemimpin masyarakat sosial (Muhammad Abu Bakar 1991: 4-5).

Perkara ini tidak boleh dinafikan menjadi faktor utama para ulama' ini menjadi perhatian dikalangan masyarakat. Jika kita lihat, satu-satu proses dakwah mahupun pembelajaran pasti wujud interaksi antara dua pihak dan jika hanya pada satu pihak, nescaya ianya tidak akan berjaya. Oleh kerana itu, para ulama' ketika itu mendampingi masyarakat awam dan membina hubungan yang rapat dengan mereka disamping rapat dengan pemerintah bagi memudahkan mereka menjalankan gerak kerja dakwah mereka. Kebanyakkan para pendakwah sejak dari dahulu lagi dan Nabi Muhammad sendiri rapat dengan pemimpin dan mengahwini keturunan pemerintah agar mudah untuk menjalankan dakwah kerana kebiasaannya para rakyat akan mengikut apa yang dianuti oleh pemimpin mereka. Pada hemat penulis, ini merupakan satu strategi dakwah yang sangat berkesan dan berjaya mendatangkan hasil yang baik kepada agama Islam itu sendiri.

Perkembangan para ulama' di Terengganu dapat disaksikan lagi dengan penubuhan Sarekat Islam yang mana di Terengganu diasaskan oleh Syed Abdul Rahman yang berasal daripada keturunan diraja Siak (Abdullah Zakaria Ghazali 1996: 175). Penubuhan Sarekat Islam ini adalah demi menjaga kebijakan ahlinya. Sarekat Islam ini juga merupakan antara kelompok yang kuat menentang penjajah British dalam siri-siri pemberontakan yang dilakukan terutamanya pada tahun 1928 (Abdullah Zakaria Ghazali 1996: 179).

Haji Abdul Rahman bin Abd Hamid bin Abd Kadir dikenali dengan panggilan Haji Abdul Rahman Limbong. Beliau juga turut dikenali sebagai Haji Derahman Limbong di beberapa tempat lain. Gelaran ini sempena dari kampung Limbong di Kemaman yang mana tempat ini senantiasa dikunjung oleh beliau acap kali datang ke sana (Abdullah Zakaria Ghazali 1996: 60). Manakala pendapat lain mengatakan bahawa bahawa gelaran ini diperolehnya daripada pembabitannya sebagai guru di kampung Limbong, Cukai, Kemaman (Muhammad Abu Bakar 1991: 190).

Manakala ibu beliau pula bernama Tun Tijah Binti Tun Akut yang berketurunan Tuan Zain Indera (Raja Tersat pada masa Terengganu berada di bawah pemerintahan kesultanan Johor (Timah Hamzah 1981: 28). Ayah beliau pula iaitu Haji Abdul Hamid bin Abdul Kadir dikatakan berasal daripada keturunan Patani (Timah Hamzah 1981: 29).

Maka bolehlah dikatakan bahawa Haji Abdul Rahman Limbong merupakan anak watan Terengganu yang berasal ataupun berketurunan Johor yang diambil daripada nasab ibunya manakala Patani yang diambil daripada nasab ayahnya pula. Beliau dilahirkan di Kampung Jongok Tong, Beladau Kolam, Kuala Terengganu pada tahun

1285H/1868M dan meninggal pada tahun 1347H/1928M di Mekah (Engku Ahmad Zaki Engku Alwi 2007: 56).

Beliau banyak terlibat dan mengetuai sendiri gerakan-gerakan menentang penjajah British dan kerajaan yang mengikut telunjuk British menyebabkan akhirnya beliau ditangkap dan ditahan. Menteri Besar dan penasihat Inggeris W.M Millington bersama sultan telah berbincang dan telah menjatuhkan hukuman buang negeri ke atas beliau (Muhammed Bin Endut 1970: 28).

Perkara ini juga merupakan nasihat yang diberikan oleh Dato' Seri Amar Diraja Haji Ngah Muhammad (Puteri Fahsyar 2004: 6). Beliau telah dibuang negeri sebanyak 2 kali di mana kali pertama dibuang di Singapura dan kali ke dua dibuang ke Mekah (Engku Ahmad Zaki Engku Alwi 2007: 59) dan beliau menemui ajalnya di sana.

Haji Abdul Rahman Limbong semasa zaman kecilnya beliau tinggal di Mekah bersama bapa saudaranya iaitu Haji Tun Muhammad Zain (Tun Mamat). Bapa saudaranya banyak mengajar beliau tentang selok belok agama dan beliau begitu rapat sekali dengan Tun Mamat. Bapa beliau sendiri merupakan seorang tokoh agama dan banyak membimbing beliau mengenai selok belok agama. Sekembalinya beliau daripada Mekah, Haji Abdul Rahman Limbong mengetahui seorang Tok Guru yang mengajar di sebuah pondok di Terengganu. Beliau ingin sekali menuntut dengan Tok Guru tersebut di mana Tok Guru tersebut adalah Tok Ku Paloh yang mana memang sudah begitu terkenal di Terengganu sebagai seorang ulama' yang sangat dalam ilmunya.

Namun begitu, sebelum belajar dengan Tok Ku Paloh, Haji Abdul Rahman Limbong telah belajar terlebih dahulu dengan Haji Yaakub Paya Bunga ilmu nahu dan fikah sekitar 2 bulan sahaja. Dikatakan ketika beliau menuntut dengan Hj Yaakub, beliau sangat lambat dalam menguasai ilmu yang diajar dan pernah dimarahi oleh gurunya. Namun, setelah dimarahi, beliau nekad untuk berubah dan akhirnya menjadi seorang pelajar yang begitu cepat dan pantas dalam menguasai ilmu dalam bidang apa sahaja pun (Timah Hamzah 1981: 29-30).

Sebagai seorang ulama' maka sudah pasti beliau merupakan seorang yang sangat cintakan ilmu dan ini didapati dalam perbahasan mengenai sikap beliau yang begitu cintakan ilmu pengetahuan dan dapat dilihat beberapa orang tokoh ilmuan terkenal yang menjadi guru dan pembimbing kepada beliau. Suatu keperibadian beliau yang dapat dilihat adalah di mana Haji Abdul Rahman Limbong ini sangat suka bermutalaah dan bersendirian ketika beliau ingin mengulangkaji ataupun membaca kitab. Haji Abdul Rahman Limbong juga merupakan seorang yang sangat wara', bersopan santun, tenang hati dan banyak lagi sikap-sikap *mahmudah* iaitu sikap yang baik yang ada pada dirinya. Namun begitu, beliau

sangat tegas dan keras terutamanya dalam perkara-perkara yang melibatkan agama dan padanya perkara tersebut bukanlah perkara yang ringan yang boleh diambil sambil lewa dan dibuat main-main.

Kepimpinan: Umum mengetahui bahawa pergerakan menentang penjajah British di Terengganu diketuai oleh Haji Abdul Rahman Terengganu atau lebih dikenali sebagai Haji Abdul Rahman Limbong. Terdapat beberapa pucuk surat yang dihantar kepada ahli Sarekat Islam bagi memberikan mereka arahan selanjutnya dan ditulis pada atas surat itu nama Haji Abdul Rahman Limbong dan ini menunjukkan bahawa beliau merupakan pemimpin dan ketua dalam ekspedisi pemberontakan tersebut. Beliau juga merupakan salah seorang tokoh ilmuan agama Terengganu yang lahir dan bergiat aktif dalam memperjuangkan kebijakan masyarakat awam khususnya golongan petani yang mana pada ketika itu majoriti penduduk adalah bekerja sebagai petani.

Sebagai seorang yang lembut hati, Haji Abdul Rahman Limbong merupakan seorang yang sangat mengasihi kanak-kanak dan anak yatim. Menurut beliau, kanak-kanak perlu dilayan dan dimanja seperti anak sendiri kerana mereka masih kecil dan memerlukan kasih sayang. Beliau juga merupakan seorang yang berhemah tinggi dan peramah tetapi hanya dalam perkara-perkara yang mustahak dan benar sahaja (Timah Hamzah 1981: 32-34).

Haji Abdul Rahman Limbong seorang yang sangat suka menolong orang lain dan beliau tidak suka menggunakan pengaruhnya hasil daripada kepercayaan daripada orang ramai dan masyarakat sekeliling untuk kepentingan peribadinya. Selain merupakan seorang ulama' yang sangat berilmu, Haji Abdul Rahman Limbong juga merupakan seorang pengamal undang-undang ataupun sebagai seorang peguam (anonymous 1986: 8) yang mana perkara ini pada pendapat penulis menjadi satu bonusataupun kelebihan pada masyarakat awam ketika itu yang ramai antara mereka ditangkap oleh pihak British. Apabila mereka ditangkap, maka Haji Abdul Rahman Limbong akan membebaskan mereka melalui jalan undang-undang kerana beliau mahir dalam selok-belok perundangan pada ketika itu.

Haji Abdul Rahman Limbong juga merupakan seorang tokoh sufi yang mana didapati tujuan ketika mana beliau menuntut dengan Tok Ku Paloh, beliau sebenarnya ingin lebih rapat kepada Allah dengan jalan kesufian. Sesuai dengan jiwa kesufiannya, beliau merupakan seorang yang sangat kuat beribadah dan dikatakan isteri beliau sendiri sangat sukar untuk dilihat oleh khadamnya sendiri. Perkara ini diakui sendiri oleh 2 orang yang pernah menjadi khadamnya,¹ iaitu Haji Hussin bin Muhammad dan juga Haji Ali Yaakub (Timah Hamzah 1981: 36).

Sebagai seorang tokoh ulama', beliau sentiasa memakai jubah dan terendak² di kepala beliau.

Ketika beliau berjalan, beliau sering menundukkan kepala tanda tawadu' beliau dan hanya mengangkat kepala apabila bertemu dengan orang sahaja. Kemudian beliau akan menundukkan pandangan kembali (Abdullah Zakaria Ghazali 1976: 13).

Selepas berguru dengan Haji Yaakub, beliau belajar pula dengan Haji Wan Musa juga di Paya Bunga, Kuala Terengganu. Setelah selesai menuntut dengan kedua-dua guru ini barulah beliau pergi menuntut dengan Tok Ku Paloh.³ Beliau dikatakan menuntut dengan Tok Ku Paloh hanyalah sekadar untuk merapatkan dirinya kepada Allah melalui tasawuf. Pada peringkat awalnya, beliau hanya berkhidmat sebagai khadam kepada Tok Ku Paloh di mana beliau membuat kerja-kerja seperti sapu halaman, membersihkan surau, kerat kayu, sediakan air di kolah dan sebagainya. Beliau hanya mendengar kuliah dan pengajaran daripada Tok Ku Paloh daripada belakang dan secara senyap-senyap, sehingga akhirnya diketahui oleh Tok Ku Paloh barulah beliau menuntut secara formal seperti murid-murid yang lain (Timah Hamzah 1981: 31). Beliau begitu disayangi oleh Tok Ku Paloh sehingga dikatakan Tok Ku Paloh membayangkan bahawa beliau lah yang akan menggantikan tempatnya suatu masa kelak. Tok Ku Paloh juga dikatakan orang yang paling memberi pengaruh kepada pembentukan peribadi, sikap serta perangai Haji Abdul Rahman Limbong (Engku Ahmad Zaki Engku Alwi 2007: 57).

Haji Abdul Rahman Limbong seperti mana ulama'-ulama' lain yang lahir di muka bumi ini di mana kebanyakkan ulama' yang lahir pasti akan dikaitkan dengan beberapa keistimewaan tersendiri ataupun disebut sebagai karamah. Perkara ini dapat dilihat dalam beberapa kes-kes ataupun keadaan yang berlaku ke atas beliau yang dapat dilihat oleh masyarakat sekeliling.

Antara perkara karamah yang dapat dilihat terjadi kepada diri beliau adalah beliau mampu menghilangkan diri secara tiba-tiba. Perkara ini dapat dilihat dalam peristiwa di mana beliau telah diekori oleh beberapa anak murid Tok Ku Paloh yang mana mereka ini berasa ingin tahu mengapa Haji Abdul Rahman Limbong ini begitu disayangi oleh Tok Guru mereka. Dalam masa mereka mengekori Haji Abdul Rahman Limbong, secara tiba-tiba beliau telah hilang daripada pandangan mereka bertiga dan hal ini merupakan antara perkara karamah ataupun perkara luar biasa yang berlaku ke atas diri Haji Abdul Rahman Limbong.

Selain itu, dikatakan pada suatu hari beliau pergi meminjam kepada seseorang duit untuk digunakan sebagai belanja. Setelah Haji Abdul Rahman Limbong pulang ke rumah, isteri orang yang memberi pinjam duit kepada beliau tadi pulang ke rumah dan memarahi suaminya kerana terlalu lurus dan suka sangat memberi pinjaman kepada orang lain. Keesokan harinya, Haji Abdul Rahman Limbong telah pergi ke rumah orang tersebut dan

memulangkan semula duit yang dipinjamkannya serta mengatakan kepada orang tersebut bahawa beliau tidak mahu meminjam daripada orang yang tidak ikhlas. Peristiwa ini juga merupakan antara keistimewaan beliau, walaupun isteri orang yang memberi pinjaman duit tersebut tidak merungut di depan beliau sendiri, namun beliau dapat mengetahuinya juga.

Kejadian pelik yang berlaku ke atas Haji Abdul Rahman Limbong juga dapat dilihat dalam peristiwa antara beliau dan juga seorang pengemis. Pada suatu hari, seorang pengemis datang kepada beliau dan meminta sedekah daripada beliau. Beliau kemudiannya mengarahkan pengemis tersebut supaya mengambil segantang beras di tempat simpanan padi. Setibanya pengemis tersebut di tempat simpanan padi, dia mulai rasa tamak dan merasakan bahawa jika dia mengambil lebih daripada yang diberikan pasti Haji Abdul Rahman Limbong tidak akan mengetahuinya. Setelah dia mengambilnya, secara tiba-tiba pengemis tersebut tidak menjumpai jalan keluar dan terperangkap di tempat tersebut sehingga Haji Abdul Rahman Limbong muncul dan pengemis tersebut meminta maaf daripada beliau barulah pengemis tersebut menemui jalan keluar (Engku Ahmad Zaki Engku Alwi 2007: 37-38).

Ketika peristiwa penduduk kampung membersihkan sebuah jalan di kampung, dikatakan Haji Abdul Rahman Limbong telah mengarahkan beberapa orang pemuda untuk sama-sama membersihkan jalan tersebut, namun begitu mereka mengingkarinya dan mengatakan bahawa arahan tersebut bukanlah datang daripada Haji Abdul Rahman Limbong. Secara tiba-tiba, perut mereka berasa amat sakit dan apabila mereka pergi menolong membersihkan jalan secara tiba-tiba juga sakit perut mereka hilang dan sembah.

Peristiwa pelik lain yang pernah berlaku ke atas diri Haji Abdul Rahman Limbong adalah antara beliau dan seorang pelombong cina. Pelombong cina ini dengan sengaja dengki dan khianat kepada Haji Abdul Rahman Limbong dengan membiarkan air lombongnya membanjiri tanah Haji Abdul Rahman Limbong dan sentiasa mencaci serta menghina beliau. Keesokannya harinya pula, lombong cina tersebut banjir dan dilimpahi air (Abdullah Zakaria Ghazali 1976: 13).

Itulah antara beberapa keajaiban ataupun karamah yang berlaku ke atas diri Haji Abdul Rahman Limbong yang dapat penulis temui dalam penulisan-penulisan yang lain. Sebagai seorang ulama, mungkin sekali karamah ini dikurniakan oleh Allah kepada beliau, namun begitu pada pendapat penulis, cerita-cerita mengenai keistimewaan dan karamah seseorang ulama' ini masih perlu kepada pengkajian yang lebih teliti kerana dikhuatiri cerita-cerita seperti ini tersebar dengan cepat tetapi hakikat yang berlaku tidaklah seperti yang diceritakan. Namun begitu, karamah

dan keistimewaan ini tidak boleh dinafikan kerana memang Allah SWT ada menganugerahkan keistimewaan ini kepada hamba-hambaNya yang terpilih.

Haji Abdul Rahman Limbong merupakan seorang tokoh yang sangat terkenal terutamanya di negeri Terengganu Darul Iman. Di mata penduduk ataupun masyarakat setempat, beliau dipandang begitu tinggi dan sangat-sangat disanjungi oleh semua orang dan pengaruhnya sangat menebal di dalam diri masyarakat setempat baik yang hidup bersamanya dan berada di sekitarnya mahupun mereka yang tidak pernah berjumpa dengannya dan hanya mendengar tentangnya sahaja. Perkara ini juga dapat dilihat dalam diri generasi kini di mana ada beberapa kelompok seperti golongan anak muda yang aktif bergerak dan melakukan perubahan yang mana perkara tersebut merupakan kesinambungan daripada perjuangan Haji Abdul Rahman Limbong dan beliau juga turut menyambung dan meneruskan perjuangan generasi sebelumnya.

Antara perkara yang dapat dikoreksi apakah pandangan masyarakat umum terhadap beliau, penulis dapati beliau sering di anggap sebagai seorang ketua seperti yang berlaku di Telemong. Setiap kata-katanya atau arahannya pasti setiap penduduk kampung akan mematuhi. Masyarakat awam ketika itu mengikuti arahannya bukan kerana takut kepada beliau disebabkan karamah yang ada pada beliau, tetapi kerana sikap beliau yang sangat peramah dan berjiwa rakyat serta dasar perjuangannya yang bersifat perjuangan masyarakat tempatan. Sebagai contoh, kita dapat lihat di mana beliau menyatakan bahawa menanam cacar⁴ bukanlah di atas hukum Islam dan hanya boleh dilakukan jika ianya tidak mendatangkan kesan ke atas mereka yang ditanam cacar (Abdullah Zakaria Ghazali 1976: 146).

Pengaruh beliau juga sangat kuat sebagai ketua menyebabkan penduduk tempatan sering melawan dan menentang arahan kerajaan yang dipandu oleh pihak British. Jika sebelum ini kebanyakkann penduduk hanya turut dan patuh kepada arahan pihak kerajaan, tetapi dengan kehadiran Haji Abdul Rahman Limbong serta pengaruhnya berjaya membuka mata dan menyedarkan rakyat bahawa mereka semua mempunyai hak dan perkara ini telah dijanjikan dalam Islam di mana semua orang berhak mempertahankan hak mereka.

Sumbangan dan Peranan dalam Kebangkitan Rakyat di Terengganu 1928: Jika dikaji dengan secara teliti dan mendalam, kita akan dapat keperibadian dan ketekunan Haji Abdul Rahman Limbong sangat memberi kesan dan pengaruh ke atas kehidupan dan juga kerja-kerja seharian penduduk tempatan khususnya di Terengganu. Antara pengaruh beliau yang dapat dikenal pasti adalah pengaruh yang banyak dimainkan oleh beliau dalam perjuangan menentang penjajah British.

Dalam salah satu -siri perjuangan menentang penjajah, Haji Abdul Rahman Limbong menyokong pengajaran menentang perintah undang-undang Cukai Tanah dan larangan menebas tebang hutan (Muhammad Saleh Haji Awang 1992: 330). Ini kerana beliau sangat tidak suka dengan campur tangan British dalam pentadbiran negeri Terengganu. Perjuangan menentang penjajah ini sebenarnya adalah berkesinambungan daripada perjuangan menentang British di Pahang dalam tahun 1891-1895 (Abdullah Zakaria bin Ghazali t.t: 279). Menurut pandangan penulis, sudah pasti di Pahang juga perjuangan menentang penjajah adalah atas nama agama kerana kebiasannya ianya dipelopori oleh para ulama'.

Sebenarnya, menurut apa yang telah dikaji oleh penulis, perjuangan yang berlaku di Terengganu adalah perubahan perjuangan daripada golongan bangsawan sebelum telah bergerak terlebih dahulu seperti Haji Ngah Mohamed bin Yusof, Sayyid Abdul Rahman al-Idrus dan ramai lagi golongan bangsawan kepada golongan masyarakat desa dan dipimpin oleh para ulama' (Abdullah Zakaria bin Ghazali 1982: 115). Atas sebab Haji Abdul Rahman Limbong merupakan seorang yang sangat berjiwa rakyat dan perjuangannya membawa kepada kebijakan masyarakat, maka kerana itulah perjuangan ini berubah kepada perjuangan masyarakat desa. Haji Abdul Rahman Limbong juga merupakan ketua kepada tentangan-tentangan yang berlaku pada tahun-tahun 1922M, 1925M dan 1928M. Sebenarnya, pada pandangan penulis apa yang menjadikan perjuangan beliau mendapat sokongan dan dokongan daripada masyarakat tempatan adalah kerana beliau menyifatkan British dan segala peraturan baru adalah peraturan kafir (Puteri Fahsyar 2004: 6).

Hal ini kerana peraturan-peraturan tersebut menyusahkan penduduk dan hanya untuk kepentingan peribadi sahaja. Di samping itu, masyarakat Melayu ketika itu juga sangat bersemangat apabila disebut mengenai agama apatah lagi dalam hal-hal yang membabitkan mengenai perjuangan yang boleh dikatakan sebagai jihad. Selain itu, penduduk kampung juga sangat terpengaruh dengan Haji Abdul Rahman Limbong dan sering menganggapnya sebagai seorang ketua. Sebagai contoh, perkara ini dapat dilihat apabila ada seorang pemungut cukai yang datang ingin memungut cukai, tetapi ada penduduk kampung yang menyatakan bahawa dia tidak mahu untuk membayar cukai dan menegaskan bahawa tanah tersebut adalah milik Haji Abdul Rahman Limbong (Haji Buyong Adil 1982: 187).

Perkara ini menunjukkan bahawa beliau dianggap sebagai ketua dan untuk melawan kerajaan dan penjajah, penduduk kampung akan menggunakan nama beliau sebagai menyatakan bahawa masyarakat tempatan sentiasa mengikut cakap Haji Abdul Rahman Limbong. Inilah antara

pengaruh beliau yang dapat dilihat terkesan dalam setiap jiwa penduduk kampung ketika itu.

Sebenarnya Haji Abdul Rahman Limbong tidak pernah mengatakan bahawa tanah tersebut merupakan hak miliknya, tetapi penduduk kampung yang menyifatkan sedemikian rupa bagi menggambarkan bahawa Haji Abdul Rahman Limbong adalah ketua mereka. Apa yang sering Haji Abdul Rahman Limbong pegang dan nyatakan kepada penduduk kampung mengenai tanah adalah, "tanah adalah hak Allah, oleh itu kerajaan tidak berhak untuk memungut cukai. Rakyat tidak perlu membayar cukai tanah yang dikenakan oleh kerajaan" (Talib Samat 2010: 36).

Pada 3 Mei tahun 1925M, berlaku kekacauan di Telemong yang membabitkan penduduk kampung sekitar 300 hingga 500 orang keluar untuk membersihkan tanah Tengku Nik. Beliau adalah saudara Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah. Surat kerahan untuk sama-sama turun ini ditulis oleh beliau sendiri dan juga Haji Abdul Rahman Limbong (Abdullah Zakaria Ghazali 1976: 19). Perkara ini menjadi bukti kepada ketokohan dan pengaruh beliau terhadap penduduk kampung ketika itu. Surat kerahan yang tertulis nama beliau menjadikan penduduk kampung sanggup untuk keluar beramai-ramai turun membersihkan tanah dan melawan perintah kerajaan.

Perkara yang berlaku di Telemong ini sebenarnya bukanlah pemberontakan dan tidak berlaku pun pertempuran antara penduduk kampung dan juga pihak kerajaan. Penduduk kampung keluar beramai-ramai ketika ini hanyalah untuk membersihkan tanah milik Tengku Nik dan bukannya untuk memberontak. Cuma nampak seperti melawan pihak kerajaan kerana mereka membersihkan tanah tersebut tanpa kebenaran kerajaan dan tidak mengambil pas daripada kerajaan. Perkara ini juga dapat dilihat dalam peristiwa di mana Sarekat Islam telah mengutus tiga pucuk surat kepada penduduk tempatan supaya berkumpul di Kuala Berang atau di Telemong. Di bahagian atas surat ini, tertulis nama Haji Abdul Rahman Limbong (Abdullah Zakaria Ghazali 1996: 180). Ini juga menunjukkan bahawa dengan ditulis nama beliau, dapat mempengaruhi penduduk kampung untuk sama-sama turun berjuang.

Sebagai seorang ulama' yang berilmu tinggi, Haji Abdul Rahman Limbong mempunyai kelebihan dan keupayaan menyelesaikan serta menghuraikan masalah keagamaan yang menjadikannya sebagai seorang yang sangat dipandang tinggi dan menjadi tempat pergantungan kepada penduduk tempatan bagi menyelesaikan masalah mereka (Abdullah Zakaria Ghazali 1996: 61).

Pada hemat penulis, mungkin sekali Haji Abdul Rahman Limbong menyelesaikan masalah penduduk kampung melalui penyelesaian agama dan juga keadaan semasa penduduk serta suasana keadaan sekeliling. Atas sebab ini jugalah yang

menjadikan beliau sangat dikagumi dan menjadi tempat bergantung dan rujukan oleh penduduk kampung. Haji Abdul Rahman Limbong banyak terlibat dalam siri-siri perbicaraan di mahkamah samada beliau mewakili penduduk kampung ataupun perbicaraan berlaku ke atas dirinya sendiri. Ketika pertama kali beliau dibicarakan, kemenangan berpihak kepada kerana pihak British tidak dapat menjawab soalan-soalan yang diutarakan oleh Haji Abdul Rahman Limbong di samping hakim ketika itu adalah anak murid beliau sendiri.

Pada perbicaraan kedua pula, pengaruhnya jelas teserlah apabila dapat dilihat halaman mahkamah tinggi ketika itu dipenuhi dengan pengikut dan anak muridnya yang menanti dan bilangan mereka lebih kurang 800 hingga 1000 orang (Timah Hamzah 1981: 66). Jumlah mereka yang sanggup menunggu Haji Abdul Rahman Limbong menunjukkan bahawa pengaruh beliau dalam masyarakat tempatan sangat kuat dan mereka sanggup membuat apa sahaja jika terjadi apa-apa kepada Haji Abdul Rahman Limbong.

Pengaruh Haji Abdul Rahman Limbong sebenarnya banyak dapat dilihat dalam peristiwa pemberontakan yang berlaku di Terengganu. Dalam siri-siri pemberontakan pada tahun 1921M, 1925M dan 1928M, pada tahun 1928M dianggap sebagai satu kebangkitan kerana seramai 2000 orang telah terlibat dalam pemberontakan ini. Namun begitu, sebenarnya peranan yang dimainkan oleh Haji Abdul Rahman Limbong dalam kebangkitan ini kurang menyelar tetapi ketua-ketua kebangkitan ini sering mendapatkan nasihat daripada beliau (Talib Samat 2010: 39).

Pada penulis, Haji Abdul Rahman Limbong merupakan seorang yang sangat berpengaruh kepada penduduk kampung sehingga ketua-ketua kepada kebangkitan yang berlaku sering mendapatkan nasihat dan pandangan daripada beliau walaupun beliau tidak bergiat secara aktif dan secara langsung dalam pemberontakan ini. Hakikatnya dalam kebangkitan 1928M ini Haji Abdul Rahman Limbong berperanan sebagai penaik semangat kepada masyarakat tempatan (Timah Hamzah 1981: 81). Walaupun beliau tidak terlibat secara langsung, namun semangat yang ditanam olehnya kepada penduduk kampung menjadikan mereka senantiasa bersemangat dan yakin bahawa Haji Abdul Rahman Limbong senantiasa menyokong perjuangan yang dilakukan oleh mereka.

Pengaruh beliau juga dapat dilihat ketika mana apabila beliau ditahan di dalam penjara. Beliau telah menulis surat kepada pengikut-pengikutnya agar tidak melakukan kekecohan sepanjang berlakunya perbicaraan beliau. Penulis juga dapat Haji Abdul Rahman Limbong ketika ditahan, beliau diberi layanan yang sangat baik malah beliau tidak ditahan di dalam penjara tetapi beliau ditahan dalam sebuah rumah di kawasan istana Maziah (Abdullah Zakaria Ghazali 1982: 124-125).

Pada pandangan penulis, kemungkinan pihak kerajaan dan penasihat British ketika itu risau dan takut akan kekecohan dan huru-hara yang bakal berlaku sekiranya Haji Abdul Rahman Limbong ditahan dan disumbatkan ke dalam penjara dan dilayan sepertimana banduan-banduan yang lain. Perkara ini jelas menunjukkan pengaruh beliau walaupun berada dalam tahanan tetapi masih mendapat layanan yang aik dan menunjukkan pengaruhnya. Keterlibatan Haji Abdul Rahman Limbong dalam proses islah di Terengganu lebih dapat dilihat dalam perjuangannya menentang penjajah British. Adapun dalam bidang ilmuwan, penulis merasakan keterlibatan beliau lebih kepada konsep pembelajaran itu sendiri kerana beliau cuba untuk tidak mengasingkan pendidikan antara tuntutan dunia dan juga tuntutan akhirat.

Dalam setiap kuliah dan juga ceramah agama yang disampaikan oleh beliau pasti akan disentuh mengenai kehidupan di dunia dan juga kehidupan di akhirat kelak. Beliau sering menekankan hal ini kerana beliau tidak mahu masyarakat ketika itu khususnya hanya menumpukan pendidikan pada aspek-aspek akhirat sahaja tetapi tidak memandang kepada perkara dunia yang mana ianya bukanlah tuntutan dalam Islam kerana Islam dalam ajarannya sangat menekankan agar umatnya menekankan dua perkara tersebut.

Haji Abdul Rahman Limbong juga sangat berjasa dan terlibat sendiri dalam siri-siri pemberontakan yang berlaku di Terengganu. Sebagai contohnya, beliau telah memimpin penduduk Telemong dengan menentang peraturan baru dan membersih tanah tanpa mengambil pas (Abdullah Zakaria Ghazali 1996: 188). Perkara ini menunjukkan bahawa beliau bukan sahaja seorang pemimpin yang bersifat pandai memberi arahan sahaja, malah beliau turut sama-sama turun padang dan berjuang menentang penjajah dan peraturan yang menyusahkan penduduk tempatan untuk menunjukkan bahawa beliau sangat perihatin atas kesusahan yang dihadapi oleh para penduduk kampung khususnya di negeri Terengganu.

Selain keterlibatannya bersama penduduk kampung dalam siri-siri pemberontakan yang berlaku, Haji Abdul Rahman Limbong juga memohon Lesen Wakil daripada kerajaan bagi membela masyarakat tempatan (Abdullah Zakaria Ghazali 1982: 116). Menurut hemat penulis, ini juga merupakan keterlibatan beliau dalam meneruskan agenda perubahan terhadap masyarakat tempatan. Beliau sanggup memohon Lesen Wakil kepada pihak kerajaan dan bersama-sama penduduk menentang pihak pendakwa raya daripada Inggeris melalui jalan perundangan. Perkara ini juga menjadi mimpi buruk kepada pihak penjajah British kerana Haji Abdul Rahman Limbong telah membuka mata mereka bahawa masyarakat tempatan juga mampu melawan mereka walaupun diperingkat undang-undang kerana mereka berada di pihak yang benar.

Haji Abdul Rahman Limbong sangat dikenali selepas perbicaraan yang berlaku kerana menyatakan bahawa tanah adalah milik Allah SWT.

Terdapat beberapa penulisan yang dikaji oleh penulis menyatakan bahawa Haji Abdul Rahman Limbong tidak terlibat secara langsung dalam kebangkitan 1928M kerana pada ketika itu beliau berada di tempat lain. Namun begitu, ketua-ketua kebangkitan ini sering kali mendapatkan nasihat dan panduan daripada Haji Abdul Rahman Limbong dan jelas di sini bahawa beliau merupakan pemimpin utama dan penggerak penting yang membawa kepada kebangkitan 1928M. Jelas di sini bahawa walaupun beliau tidak terlibat secara langsung tetapi beliau boleh dianggap sebagai tulang belakang kepada kebangkitan ini.

Dalam peristiwa kebangkitan yang berlaku di Terengganu ini, penulis berpendapat bahawa Haji Abdul Rahman Limbong bukan sahaja seorang ketua yang berperanan sebagai orang yang menerangkan akan hak setiap penduduk kampung, malah beliau turut mengetengahkan ajaran agama Islam itu sendiri di mana segalanya yang ada di atas muka bumi ini adalah milik Allah SWT dan kita hanya diamanahkan untuk menjaga dan mengusahakannya sahaja tanpa perlu menindas orang lain.

Ajaran seperti inilah yang membuatkan ramai masyarakat ingin mengikut Haji Abdul Rahman Limbong seterusnya dapat meningkatkan kefahaman dalam diri mereka apakah sebenarnya maksud perjuangan yang mereka lakukan itu. Boleh dikatakan bahawa penduduk kampung ketika itu memperjuangkan hak mereka dan dalam masa yang sama mereka mempunyai pemahaman bahawasanya semuanya adalah milik Allah SWT dan harus dijaga dan diurus dengan baik kerana semuanya nanti akan disoal dan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak.

Justeru, tidak dapat dinafikan dalam siri-siri pemberontakan dan penentangan yang berlaku Haji Abdul Rahman Limbong merupakan orang yang penting dan menjadi penggerak utama dalam kebangkitan tersebut. Walaupun pada kebangkitan 1928M beliau tidak terlibat secara langsung, akan tetapi pengaruhnya dan peristiwa tersebut tidak dapat disangkal dan dinafikan lagi. Jasa dan pengorbanan Haji Abdul Rahman Limbong bagi memastikan kebangkitan ini berjalan dengan lancar sangat besar dan berharga disamping para penduduk kampung yang turut sama-sama bersungguh-sungguh berjuang mempertahankan hak mereka dan juga tanah air mereka. Ini semua kerana hak mereka telah dicabuli dan dirampas oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dan hanya mementingkan kepentingan peribadi sedangkan mereka tidak mempunyai hak ke atas tanah air ini.

KESIMPULAN

Jasa dan sumbangan Haji Abdul Rahman Limbong terhadap kebangkitan rakyat di Terengganu tidak

dapat dinafikan. Bahkan beliaulah yang menjadi pemimpin yang menggerakkan kebangkitan rakyat tersebut. Namun begitu, jasa dan sumbangan beliau juga tokoh-tokoh lain yang kuat menentang penjajah tidak diterapkan dalam buku-buku teks di peringkat sekolah. Penulisan mengenai mereka sangat kurang dan perkara ini perlu diambil berat oleh pelbagai pihak. Ini terutamanya untuk merumuskan sejarah tatapan generasi akan datang mengenai jasa dan perjuangan golongan terdahulu yang menjadikan kehidupan hari ini lebih baik berbanding zaman mereka dahulu.

NOTA HUJUNG

- ¹ Penulis tidak pasti siapakah yang dimaksudkan dengan khadamnya namun Haji Hussin Bin Muhammad dan Haji Ali Yaakub merupakan anak murid dan juga khadam beliau. Kemungkinan apa yang dimaksudkan dengan khadam adalah pembantu beliau kerana mereka berdua merupakan orang kepercayaan Haji Abdul Rahman Limbong dan rapat dengan beliau malah pernah tinggal bersama beliau. Mereka diamanahkan untuk menguruskan kewangan, perniagaan dan perusahaan Haji Abdul Rahman Limbong (Timah Hamzah 1981: 130-131).
- ² Terendak bermaksud penutup kepala ataupun tudung kepala yang lebar tepinya (diperbuat daripada buluh, rotan dll), lihat *Kamus Dewan edisi keempat*, hal. 1668. Penulis merasakan bahawa Haji Abdul Rahman Limbong yang hidup di kalangan masyarakat yang kebanyakannya adalah petani, maka penutup kepala ataupun terendak yang dipakainya menyerupai topi jerami yang biasa dipakai oleh para petani di kampung-kampung.
- ³ Nama sebenar beliau adalah Sayyid Abdul Rahman bin Muhammad al-Idris. Beliau mendapat gelaran Tok Ku Paloh kerana menetap dan mengajar di Paloh. Beliau dilahirkan pada tahun 1236H/1817M di Kampung Chabang tiga, Kuala Terengganu. Beliau mudah menguasai sesuatu pelajaran dan mendapat didikan agama daripada ayahnya Tok Ku Tuan Besar yang merupakan salah seorang ulama' besar di Terengganu ketika itu. Beliau juga pernah menuntut di Mekah dengan dua orang ulama' yang masyhur ketika itu iaitu Sayyid Ahmad Zaini Dahlan dan Sayyid Abdullah Ali al-Zawawi. Beliau meninggal pada 1 Zulhijjah 1336/ September 1917.
- ⁴ Penulis tidak pasti apakah yang dimaksudkan dengan mananam cacar kerana mengikut buku yang penulis kaji tidak menceritakan dengan lebih lanjut mengenai penanaman cacar dan buku tersebut hanya menyebut penanaman cacar tersebut hanya akan memberi kesan kepada siapa yang melakukannya.

RUJUKAN

- Abdullah Zakaria bin Ghazali (1976), Haji Abdul Rahman bin Abdul Hamid (Haji Abdul Rahman Limpong) Trengganu, dalam Malaysia in History, vol. 19, Persatuan Sejarah Malaysia.
- Abdullah Zakaria bin Ghazali (1976), Kekacauan dan Kebangkitan Trengganu 1921-1928, (Disertasi, Fakulti Sastera, Universiti Malaya).
- Abdullah Zakaria bin Ghazali (1982), Islam dan Politik Anti Penjajahan di Trengganu,*Islamika II*, Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Abdullah Zakaria Bin Ghazali (1996), Terengganu Tokoh, Pentadbiran dan Perjuangan, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Abdullah Zakaria Ghazali (t.t), Kebangkitan Trengganu 1928.
- Anonymous (1986), Terengganu, Selangor: Kompas Publishing Sdn. Bhd.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2007), Tokoh Ulama Negeri Terengganu: Biografi, Pemikiran dan Sumbangan, Terengganu: Majlis Agama Islam & Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).
- Haji Buyong Adil (1982), *Sejarah Trengganu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed bin Endut (1970), 1928: Penderhakaan di Trengganu, (Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya)
- Muhammad Abu Bakar (1991), *Ulama Terengganu Suatu Sorotan*, Terengganu: Utusan Publications Sdn. Bhd.
- Muhammad Salleh Haji Awang (1992) (et. al), *Sejarah Darul Iman Hingga 1361H/1942M*, Terengganu: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Puteri Fahsyar (2004), Terengganu dan Kelantan, Kuala Lumpur: Pustaka Buona.
- Talib Samat (2010), Kenali Tokoh Berjasa, jilid 1, Selangor: Pekan Ilmu Publications Sdn. Bhd.
- Timah Hamzah (1981), *Pemberontakan Tani 1928: Satu Kajian Ketokohan & Kepimpinan Haji Abdul Rahman Limpong*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.